

27. IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KE ATAS HARGA BARANGAN MAKANAN SEGAR TERPILIH

Syahrin Suhaimie¹, Alam Abd Rahman¹, Tapsir Serin², Mohd Zaffrie Mat Amin¹, Ahmad Zairy Zainol Abidin¹ dan Dr. Engku Elini Engku Ariff¹

¹Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes

²Pejabat Ketua Pengarah MARDI

27.1. PENGENALAN

Pandemik COVID-19 mula menyerang dunia pada tahun 2019 dan menyebabkan ketidakpastian ekonomi global dan gangguan ke atas aktiviti ekonomi termasuklah kesan ke atas peningkatan pengangguran dan pengurangan pendapatan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu perintah yang mengehadkan pergerakan penduduk dalam negara telah dilaksanakan di kebanyakan negara termasuklah Malaysia untuk mengawal penyebaran COVID-19. Kerajaan Malaysia telahewartakan empat fasa PKP bermula 18 Mac hingga 12 Mei 2020, dan disambung dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 13 Mei hingga 12 Jun 2020, seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir 31 Disember 2020 (*Jadual 27.1*).

Jadual 27.1: Tarikh dan tempoh pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Tarikh (Tempoh)
PKP Fasa 1	18 Mac – 31 Mac (14 hari)
PKP Fasa 2	1 Apr – 14 Apr (14 hari)
PKP Fasa 3	15 Apr – 28 Apr (14 hari)
PKP Fasa 4	29 Apr – 12 Mei (14 hari)
PKP Bersyarat (PKPB)	13 Mei – 9 Jun (28 hari)
PKP Pemulihan (PKPP)	10 Jun – 31 Ogos (97 hari)

Antara kesan yang ketara apabila berlakunya pandemik ini ialah kesan ke atas penawaran dan permintaan makanan negara akibat perubahan ke atas pengedaran dan pemasaran barangan dan perkhidmatan. Pelaksanaan PKP secara tidak langsung telah mengganggu rantaian nilai makanan, menjejaskan aktiviti petani dan usahawan tani serta menimbulkan kegelisahan dalam kalangan pengguna mengenai peningkatan harga barangan makanan. Pada permulaan pelaksanaan PKP, penyebaran berita mengenai lambakan sayuran dan buah-buahan oleh petani dan masalah pengedaran barangan makanan

segar disebabkan sekatan merentas negeri telah menyebabkan timbulnya isu mengenai perubahan harga barangan makanan terutamanya barangan makanan segar. Walau bagaimanapun, perubahan harga yang berlaku sepanjang tempoh PKP tidak dapat dipastikan sama ada berlaku di kebanyakan tempat di Malaysia ataupun hanya di lokasi tertentu sahaja atau sebenarnya tidak ada berlakunya peningkatan harga yang ketara. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai impak pelaksanaan PKP ke atas harga barangan makanan segar terpilih. Perbandingan harga sebelum dan sesudah PKP, serta perubahan bagi setiap fasa PKP turut dianalisis. Laporan ini dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai pelaksanaan PKP di Malaysia serta isu yang timbul semasa pelaksanaan PKP, Seterusnya, penerangan mengenai metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai objektif kajian serta huraian mengenai dapatan kajian yang telah dijalankan.

27.2. METODOLOGI

Harga 47 barangan makanan segar yang mengandungi 33 barangan tempatan dan 14 barangan import dipilih untuk dianalisis (*Jadual 27.2*). Data harga barangan tersebut diperoleh daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi tempoh 2 Januari – 20 Jun 2020 untuk mewakili tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan PKP. Ujian t berpasangan dijalankan untuk menganalisis perbezaan purata harga sebelum PKP dan semasa tempoh PKPP. Analisis ANOVA dengan menggunakan ujian Scheffe pula dilaksanakan untuk menilai perbezaan purata harga bagi setiap fasa PKP, PKPB dan PKPP.

27.3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

27.3.1. Sebelum PKP vs PKPP

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan harga sebelum dan selepas pelaksanaan PKP kepada 15 barangan makanan segar. Sebanyak 32% daripada keseluruhan barangan makanan segar yang dikaji, iaitu terdiri daripada 10 barangan tempatan dan lima barangan import telah menunjukkan peningkatan harga yang signifikan (*Jadual 27.3*). Barangan makanan segar tempatan yang mengalami peningkatan harga selepas pelaksanaan PKP ialah daun sup/saderi, cili merah, timun hijau, cili merah kulai, santan pekat, bunga kantan, pisang mas, telur ayam gred A dan B dan ketola segi. Barangan import yang mengalami peningkatan harga ialah cili merah Thai, bawang putih, bawang besar Holland, ubi kentang Holland dan cili hijau. Peningkatan harga bagi daun sup/saderi adalah tertinggi iaitu peningkatan sebanyak RM9.50 (113%), diikuti dengan cili merah Thai (RM2.17, 25.9%) dan tempatan (RM1.59, 15.4%) serta timun (RM1.59, 56.8%). Barangan lain sama ada tempatan atau import mengalami peningkatan kurang daripada RM1.

Jadual 27.2: Barangan makanan segar tempatan dan import terpilih

Barangan segar tempatan terpilih		Barangan segar import terpilih
Ayam proses standard	Kelapa parut	Bawang besar Holland
Ayam betina	Kelapa kupas	Bawang besar India
Ayam super	Ketola segi	Bawang merah kecil India
Bayam hijau	Kubis bulat Cameron	Bawang merah kecil Thai
Belimbing B10	Pisang berangan	Bawang merah kecil Rose
Bendi	Pisang mas	Bawang putih
Betik sekaki/HK	Santan biasa	Cili hijau import
Bunga kantan	Santan pekat	Cili merah import
Cili hijau tempatan	Sawi hijau	Cili merah import China
Cili merah Kulai	Telur ayam (Gred A,B,C)	Cili merah import Thai
Cili merah tempatan	Tembikai New Dragon	Cili merah import Vietnam
Daun sup/saderi	Tembikai tiada biji	Kubis bulat China
Daun bawang	Terung peparu	Kubis bulat Indonesia
Kacang buncis	Timun hijau	Ubi kentang Holland
Kacang panjang	Tomato highland	
Kangkung		

Jadual 27.3: Barangan makanan segar tempatan dan import yang meningkat antara sebelum PKP dan PKPP

Barangan makanan	Sebelum PKP (RM)	PKPP (RM)	Perbezaan harga (RM)	Nilai t
Barangan tempatan				
Daun sup/saderi	8.40	17.90	9.50	15.28*
Cili merah	10.32	11.91	1.59	3.94*
Timun hijau	2.80	4.39	1.59	12.04*
Cili kulai	12.11	12.96	0.85	3.44*
Santan pekat	10.95	11.15	0.20	2.78*
Bunga kantan	1.57	1.76	0.19	7.24*
Pisang mas	4.63	4.68	0.05	3.78*
Telur Gred A	0.37	0.40	0.03	16.56*
Telur Gred B	0.35	0.37	0.01	14.36*
Ketola segi	4.94	4.96	0.02	2.64*
Barangan import				
Cili merah Thai	8.37	10.54	2.17	6.7*
Bawang putih	10.26	10.57	0.31	10.33*
Bawang besar Holland	4.12	4.40	0.29	9.12*
Ubi kentang Holland	3.24	3.33	0.09	7.5*
Cili hijau	9.94	10.00	0.06	5.53*

*Signifikan pada $p < 0.05$

Pada masa yang sama, terdapat 14 barangan makanan segar mengalami penurunan harga, lapan daripadanya ialah barangan tempatan dan selebihnya ialah barangan import (*Jadual 27.4*). Barangan makanan segar tempatan yang mengalami penurunan harga ialah bendi, kacang buncis, kacang panjang, terung peparu, cili hijau, daun bawang, tembikai tiada biji, dan belimbing B10. Barangan makanan segar import yang berkurangnya ialah bawang kecil jenis Rose, India dan Thai, cili merah China, kubis bulat China dan Indonesia. Penurunan harga barang tertinggi adalah pada bawang kecil Rose dengan penurunan sebanyak RM5.60 (43.7%) diikuti bawang kecil India (RM4.90, 43.8%), bendi (RM1.60, 20.3%) dan bawang kecil Thai (RM1.59, 11.7%). Barangan lain mengalami penurunan daripada RM0.96 – RM0.02 untuk kedua-dua barangan makanan tempatan dan import.

Secara keseluruhan, analisis mendapati daripada 33 barangan makanan segar tempatan, hanya 10 daripadanya mengalami kenaikan harga dan lapan barangan segar tempatan mengalami penurunan harga. Lima barangan segar import mengalami kenaikan harga dan enam daripada barangan import segar mengalami penurunan harga daripada keseluruhan 14 barangan import segar yang dikaji.

Jadual 27.4: Barangan makanan segar tempatan dan import yang menurun antara sebelum PKP dan PKPP

Barangan makanan	Sebelum PKP (RM/kg)	PKPP (RM/kg)	Perbezaan harga (RM)	Nilai t
Barangan tempatan				
Bendi	7.89	6.28	-1.60	-14.79*
Kacang buncis	10.09	9.13	-0.96	-3.86*
Kacang panjang	6.71	6.06	-0.65	-3.52*
Terung peparu	7.18	6.59	-0.59	-8.42*
Cili hijau	10.17	9.60	-0.58	-3.54*
Daun bawang	8.10	7.55	-0.55	-9.77*
Tembikai nir biji	3.16	2.90	-0.26	-8.92*
Belimbing B10	5.79	5.78	-0.02	-3.38*
Barangan import				
Bawang kecil (Rose)	12.79	7.18	-5.60	-11.97*
Bawang kecil (India)	11.18	6.28	-4.90	-9.41*
Bawang kecil (Thai)	13.62	12.03	-1.59	-6.36*
Cili merah (China)	8.25	7.60	-0.65	-5.68*
Kubis bulat (China)	3.14	3.04	-0.10	-4.28*
Kubis bulat (Indon)	3.12	3.10	-0.02	-4.81*

*Signifikan pada $p < 0.05$

27.3.2. Turun naik (*volatility*) harga semasa PKP

Seterusnya, analisis dijalankan untuk menilai perubahan harga di setiap fasa PKP, PKPB dan PKPP. Dapatan menunjukkan terdapat trend turun naik harga yang signifikan pada 20 barangan makanan segar sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP yang terdiri daripada 12 barangan segar tempatan dan lapan barangan segar import (*Jadual 27.5*). Kebanyakan barangan segar mengalami peningkatan harga pada fasa kedua dan keempat PKP. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan harga ialah kesukaran petani untuk menjual hasil pertanian disebabkan gangguan terhadap saluran pasaran dan masalah logistik.

Analisis terhadap barangan makanan segar yang mengalami peningkatan harga selepas fasa PKP menunjukkan hanya sembilan harga barangan segar mengalami trend turun naik dan lima daripadanya ialah barangan segar tempatan, selebihnya empat barangan segar import. Lima barangan segar tempatan tersebut ialah daun saderi/sup, cili merah, timun hijau, telur gred A dan gred B, manakala empat barangan segar import yang mengalami trend turun naik harga ialah cili merah Thai, bawang putih, ubi kentang Holland dan cili hijau import.


Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 11 barangan makanan segar yang mengalami penurunan harga selepas fasa PKP dan turut menunjukkan trend turun naik harga yang signifikan. Senario ini melibatkan tujuh barangan segar tempatan dan empat barangan segar import. Barangan segar tempatan ialah bendi, kacang buncis, kacang panjang, terung peparu, cili hijau, daun bawang dan tembikai tiada biji manakala empat barangan segar import yang mengalami turun naik harga dan menurun selepas fasa PKP ialah bawang kecil Rose, bawang kecil India, bawang kecil Thai dan cili merah China. Berdasarkan *Rajah 27.1*, perubahan harga bagi setiap fasa PKP adalah tidak ketara kecuali bagi daun sup/saderi yang meningkat daripada RM8.40 kepada RM9.44 pada PKP fasa ketiga dan seterusnya melonjak kepada RM17.89 pada fasa PKPP.

Daun bawang pada mulanya meningkat pada fasa pertama PKP daripada RM8.10 kepada RM12.32/kg (*Rajah 27.2*). Namun, harga daun bawang menurun sedikit demi sedikit sehingga mencecah harga yang lebih rendah daripada harga sebelum PKP iaitu pada RM7.55/kg. Harga cili merah China menurun pada fasa pertama PKP kepada RM6/kg sebelum naik semula kepada harga RM8.42 pada fasa PKPB dan kemudiannya menurun kembali pada fasa PKPP (*Rajah 27.3*). Bawang merah kecil Thai, India dan Rose mengalami penurunan harga secara terus menerus daripada permulaan fasa PKP hingga PKPP. Bawang merah kecil Rose menunjukkan penurunan harga terbesar iaitu daripada RM12.79 kepada RM7.18.


Jadual 27.5: Perubahan harga barangan makanan segar bagi setiap fasa PKP, PKPB dan PKPP

Barangan makanan	Sebelum PKP	PKP1	PKP2	PKP3	PKP4	PKPB	PKPP
Barangan tempatan							
Daun sup/ sadri	8.40a	9.75a	8.93a	9.44a	12.18b	15.07c	17.89d
Cili merah	10.32bcd	9.40ab	8.92a	9.83abc	11.15de	11.91e	10.76cd
Timun hijau	2.80ab	2.92ab	2.68a	2.82ab	3.16b	3.76c	4.39d
Telur (A)	0.37a	0.38a	0.40bc	0.41c	0.41c	0.40bc	0.40b
Telur (B)	0.35a	0.36a	0.39b	0.40b	0.40b	0.38b	0.37a
Bendi	7.89b	6.67a	6.62a	6.50a	6.47a	6.12a	6.28a
Kacang buncis	10.09bc	9.37abc	9.08abc	8.45a	8.89ab	10.25c	9.13abc
Kacang panjang	6.71b	6.42ab	5.84a	6.00ab	6.66b	6.53ab	6.06ab
Terung peparu	7.18b	6.38ab	6.23a	6.11a	6.14a	6.12a	6.59ab
Cili hijau	10.17c	9.88abc	8.92a	9.14ab	10.02bc	10.04bc	9.60a
Daun bawang	8.10ab	12.32c	11.78c	9.78b	9.77b	9.52b	7.55a
Tembikai nir biji	3.16c	2.57ab	2.46a	2.41a	2.56ab	2.76ab	2.90bc
Barangan import							
Cili Merah Thai	8.37ab	7.97ab	6.36a	6.50a	9.50ab	10.17b	10.54b
Bawang putih	10.26a	11.70c	11.50c	11.62c	11.42bc	11.07ab	10.57ab
Ubi kentang Holland	4.12a	4.44ab	4.45ab	4.80b	4.50ab	4.46ab	4.40ab
Cili hijau import	9.94a	11.33bc	11.69c	10.67ab	10.00a	10.00a	10.00a
Bawang kecil(Rose)	12.79c	12.15c	12.34c	11.95c	9.87b	7.61a	7.18a
Bawang kecil (India)	11.18c	11.40c	10.83c	9.99bc	8.54b	6.89a	6.28a
Bawang kecil (Thai)	13.62b	12.70ab	12.67ab	11.93a	11.55a	11.38a	12.03ab
Cili merah (China)	8.25b	6.00a	6.00a	6.5a	8.33b	8.42b	7.60ab


Min lajur pada huruf yang sama tidak mempunyai perbezaan yang signifikan pada $p < 0.05$



Rajah 27.1: Perubahan harga barangan makanan segar yang meningkat selepas PKP mengikut fasa PKP, PKPPB dan PKPP



Rajah 27.2: Perubahan harga barangan makanan segar yang menurun selepas PKP tetapi turun naik untuk mengikut fasa PKP, PKPB dan PKPP



Rajah 27.3: Perubahan harga barangan makanan segar yang terus turun mengikut fasa PKP, PKPB dan PKPP

27.4. KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan 15 daripada 47 barangan makanan segar atau 32% dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding sebelum PKP dilaksanakan. Barangan makanan segar yang mengalami peningkatan tertinggi ialah daun saderi iaitu RM9.50 (113%). Terdapat 14 barangan makanan segar yang lain mengalami penurunan harga antara RM0.02 – RM5.60. Barangan segar yang mengalami peningkatan harga majoritinya ialah barangan tempatan iaitu sebanyak 67%, manakala majoriti barangan segar import mengalami penurunan harga iaitu sebanyak 43%. Kebanyakan barangan segar berada dalam fasa ‘pemulihan’ harga apabila memasuki fasa PKPP dan dijangka secara perlahan-lahan kembali kepada harga sebagaimana sebelum PKP. Oleh yang demikian, perubahan harga barangan segar dijangkakan hanya sementara, kecuali daun saderi/sup, cili merah (kedua-duanya tempatan dan diimport), timun dan tembakai.

Pelaksanaan PKP sepenuhnya telah mengganggu rantaian nilai makanan akibat larangan merentas negeri dan daerah walaupun perkhidmatan-perkhidmatan penting termasuk sektor makanan dibenarkan untuk bergerak bebas. Perkhidmatan logistik mengalami kesukaran untuk bergerak kerana perlu menempuh sekatan jalan raya (SJR) oleh pihak berkuasa. Sekiranya PKP perlu dilaksanakan semula bagi membendung COVID-19, pergerakan merentas negeri dan daerah perlu dilonggarkan untuk kenderaan komersial. Berdasarkan analisis harga, peningkatan harga bagi barangan makanan segar semasa PKP tidak meliputi makanan asasi atau menjadi keperluan penduduk.

27.5. RUJUKAN

- Yi, N.X. dan Wahid, R. (2020). Cameron Highlands farmers dump hundreds of tonnes of vegetables. *Malaysiakini*. Diakses pada 18 November 2020 dari <https://www.malaysiakini.com/news/516704>
- Yu, X., Liu, C., Wang, H. dan Feil J-H. (2020). The impact of COVID-19 on food prices in China: evidence of four major food products from Beijing, Shandong and Hubei provinces. *China Agricultural Economic Review*. 2020; 12(3): 445 – 458